

02 SEP 2002

Khalid-ISO

KEMENTERIAN PENERANGAN KE ARAH PENARAFAN MS ISO 9001

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Kementerian Penerangan kini dalam persiapan menuju ke arah penarafan persijilan kualiti MS ISO 9001, kata Timbalan Menteri berkenaan Datuk Mohd Khalid Yunus.

Ketika berucap pada perhimpunan bulanan kementerian itu di Angkasapuri hari ini, beliau berkata penarafan persijilan kualiti itu dijangka akan tercapai sebelum akhir tahun ini.

Katanya, pada masa ini kementerian melalui Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan sedang berusaha untuk mendapatkan persijilan itu.

"Pelbagai anugerah diterima oleh kementerian sebagai tanda pengiktirafan kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan.

"Bagaimanapun kementerian sedang berusaha untuk memastikan semua jabatan atau bahagian mencapai pengurusan kualiti yang universal dan berlandaskan kepada standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu MS ISO 9000," katanya.

Menurut beliau setakat ini beberapa jabatan dan agensi di bawah Kementerian telah menerima pengiktirafan persijilan ISO 9000, antaranya Jabatan Penyiaran melalui Bahagian Berita dan Ehwat Semasa Radio, Jabatan Filem Negara, Perbadanan Filem Nasional (Finas), Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Katanya, persijilan MS ISO 9000 adalah satu standard bertulis yang menetapkan dan menyenaraikan elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan.

"Kementerian Penerangan adalah antara kementerian yang menjadi sebutan masyarakat Malaysia kerana warga kementerian sentiasa bertemu dengan orang ramai melalui aktiviti yang dilaksanakan," katanya.

Oleh itu adalah wajar bagi warga kementerian memberi perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada orang ramai, katanya.

Khalid juga berkata semua anggota kementerian itu hendaklah menjadikan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Julai lalu, sebagai pendorong untuk bekerja dengan lebih bersemangat dan menghasilkan produk yang berkualiti.

Katanya penerangan khas mengenai pelaksanaan SSM akan dibuat oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri dalam siaran khas RTM melalui TV1 pada Rabu ini pukul 9 malam.

-- BERNAMA

FA AHH NMO